

PM MINTA DIBUAT ANALISIS MENDALAM

Kenapa miskin di bumi subur?

KUALA LUMPUR, Sabtu.

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata salah satu masalah yang menyekat kejayaan sepenuhnya usaha kerajaan membasmi kemiskinan ialah sikap penerima bantuan.

Mereka, kata Perdana Menteri sama ada tidak mahu atau tidak dapat menggunakan bantuan yang diberikan dengan berkesan.

Berucap merasmikan Konvensyen Kemiskinan Kebangsaan anjuran Pergerakan Pemuda Umno di sini hari ini, Perdana Menteri juga mengesyorkan satu analisis mendalam dibuat oleh semua pihak terbabit bagi mengenal

pasti punca sebenar kemiskinan masih wujud di negara ini.

"Kerajaan telah berjaya mengurangkan tahap kemiskinan kepada 18 peratus pada tahun 1984 berbanding 49.3 peratus pada 1970, tetapi melihat kepada usaha dan peruntukan yang diberikan, hasilnya tidaklah seperti diharapkan," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai pentingnya perubahan sikap itu, Perdana Menteri berkata si miskin mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki nasibnya.

"Kurang kecekapan atau kepintaran boleh dilatasi dengan asuhan atau pengalaman, tetapi jika minat tidak ada segala usaha, sistem, bantuan dan apa sahaja pertolongan yang dihulurkan tidak akan memberi apa-apa manfaat.

"Menambah peruntukan dan bantuan sedangkan punca sebenar kemiskinan bukan kerana kurang bantuan, tidak akan mendatangkan apa-apa hasil, kerana ia adalah pemulihan sementara sahaja," katanya di depan kira-kira 500 peserta dari pelbagai pertubuhan, anggota pergerakan itu serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan yang menghadiri konvensyen sehari di Dewan Tun Hussein Onn.

Perdana Menteri menarik perhatian ada negara yang tidak mempunyai sumber kekayaan tetapi kaya dan ada yang mempunyai sumber alam tetapi miskin.

Dr Mahathir menjelaskan, sebabnya fenomena ini berlaku ialah falsafah dan sikap penduduk.

"Negara dan masyarakat yang bersemangat, rajin dan sanggup mencuba dan menghadapi cabaran tetap akan berjaya dan maju.

"Masyarakat yang hanya berharap kepada pertolongan dari pihak lain tanpa berusaha memperbaiki diri akan tetap mundur walaupun buminya penuh dengan emas, perak serta subur," katanya.

Beliau berkata, kadar peruntukan dan tindakan kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan di luar dan di dalam bandar di negara ini, jauh lebih tinggi dan tegas berbanding beberapa negara kurang maju lain di dunia.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana walaupun usaha itu berjaya mengurangkan tahap kemiskinan kepada hanya 18 peratus berbanding dengan 49.3 peratus ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan, tahap pencapaiannya tidak setimpal dengan usaha dan belanja yang sudah dikeluarkan itu.

Mengenai tahap kemiskinan di negara ini, Perdana Menteri berkata ia masih jauh lebih baik jika dibandingkan dengan beberapa negara membangun.